

SEPAH PUTERI PELANGI
Crimson-breasted Flowerpecker

FAMILI: Dicaeidae
NAMA SAINTIFIK: *Prionochilus percussus*



CIRI-CIRI

Individu jantan dewasa bagi spesies ini mempunyai bahagian atas badan yang berwarna biru manakala bahagian bawah badan pula berwarna kuning cerah. Pada bahagian atas kepala dan dada, terdapat tompokan berwarna merah. Bagi individu betina dewasa pula, ia mempunyai bahagian paruh yang tebal serta tompokan pada bahagian kepala yang berwarna perang pudar. Bahagian bawah badan berwarna hijau dan terdapat jalur berwarna putih pada bahagian tengahnya. Individu juvenil bagi spesies ini mempunyai warna hijau pada bahagian badan yang lebih pudar. Bahagian paruh berwarna merah jambu di mana pada bahagian tengah perut berwarna putih dan kuning pada bahagian hujung bulu di bahagian ini.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi spesies ini adalah 10.0 sm. Berat 8-9 g.

MAKANAN

Buah-buahan yang bersaiz kecil, buah beri dan nektar, serangga-serangga yang bersaiz kecil dan labah-labah.

HABITAT

Hutan dipterokap serta di pinggir kawasan hutan pada ketinggian sehingga ke 1,200 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang berulang dengan nada yang tinggi *teez tit-tit* serta bunyi *whit-whit* atau *vit-vit*.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Mac hingga Jun di mana sarang yang dibina berbentuk seperti dompet dan bujur. Jumlah telur yang dihasilkan belum dapat didokumentasi sepenuhnya, namun begitu spesies ini mempunyai telur yang berwarna putih.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara